

# Mantan MPP UMS lawat China

UB 24/6/2011 B3

**KOTA KINABALU:** Bermatlamat memberi pendedahan tentang konsep pengantarabangsaan kepada barisan kepimpinan pelajar, seramai 34 peserta terdiri daripada ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2009/2010 Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah dibawa berkunjung ke China, baru-baru ini.

Lawatan berkenaan adalah selaras dengan visi dan misi universiti itu untuk melahirkan siswazah yang cemerlang, berketrampilan berdayasaing dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi.

Ketua Bahagian Pentadbiran, Kewangan dan Tata tertib Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) UMS, Zamri Mohammad Tuah berkata lawatan ini juga



**IMAM MASJID TERTUA...Kasim (duduk, empat kanan) bersama rombongan bergambar bersama Imam Masjid Niu Jie, salah sebuah masjid tertua di China yang dibina sekitar tahun 996.**

"Lawatan ini secara tidak langsung turut memupuk kesedaran dan semangat patriotisme dalam kalangan peserta untuk mengekalkan keharmonian dan kemerdekaan yang dikecapi negara ketika ini," kata Zamri.



**GEDUNG ILMU...Rombongan bergambar di perkarangan University Peking.**



**KOMPLEKS SUKAN...Lawatan ke Kompleks Sukan Nasional China. Stadium Bird's Nest merupakan stadium utama Sukan Olimpik 2008.**

adalah penghargaan daripada UMS kepada ahli MPP dalam membantu pihak universiti menjaga kebajikan pelajar.

"Pada masa sama, program ini juga bertujuan menjayakan penganjuran aktiviti dan program kemahasiswaan dari peringkat universiti sehingga peringkat antarabangsa," katanya.

Program kendalian (Exco Projek dan Protokol

MPP UMS 2009/2010) Muhammad Khairi Azizan ini mendapat seliaan daripada pegawai dari Bahagian Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar JHEP.

Rombongan turut disertai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr. Kasim Md Mansur dan Ketua Sektor Kewangan Pelajar Jabatan Bendahari, Badrul Hisham

Ismail.

Program Kembara Ke Tanah Besar China yang

bertemakan 'International exposure' itu turut membuat lawatan ke dua buah universiti terkemuka di China iaitu Peking University dan Qinghua University.

Di samping itu, peserta juga melawat beberapa pusat pelaburan perniagaan dan kawasan perindustrian terbesar di China seperti Beijing Development Area (BDA) dan tempat bersejarah sekitar bandaraya Beijing dan Tianjin.

Tidak ketinggalan rombongan itu juga membuat kunjungan hormat kepada Kedutaan Besar Malaysia di China.

Melalui lawatan ini, peserta dapat melihat sendiri sejarah pembinaan tamadun, pembangunan ekonomi dan sosio budaya rakyat republik itu.



**KEDUTAAN MALAYSIA...Rombongan berada di Bangunan Kedutaan Besar Malaysia di China.**



**WAKIL MALAYSIA...Sambutan oleh pegawai Kedutaan Besar Malaysia di China.**



**HERBA...Rombongan UMS ketika berkunjung ke pusat produk perubatan berasaskan herba. Manakala (gambar kanan), sekumpulan pelajar mendaki Tembok Besar China.**

